

15 AUG 1998

Buku

SUMBANG BUKU BERGUNA, BUKAN BUKU LAMA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Orang ramai yang berminat menyumbang buku kepada Kempen Derma Buku untuk kawasan luar bandar diminta memberikan buku yang masih boleh digunakan, bukannya buku teks sekolah yang lama.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Datin Mariam Abdul Kadir hari ini berkata terdapat ramai penderma yang mengambil peluang untuk membuang buku-buku lama yang tidak berguna dalam kempen itu.

"Banyak masa dan tenaga terpaksa dihabiskan untuk mengasingkan buku berguna dengan yang tidak. Jadi saya harap penderma derma dengan ikhlas tidak mengambil peluang ini untuk membuang barang tidak berguna," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian pameran "Komanwel: Melonjak ke Alaf Baru" di Perpustakaan Negara.

Kempen Derma Buku yang dilancarkan pada 5 Ogos lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan mengumpul buku untuk diagihkan ke kawasan luar bandar.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dalam ucapan perasmian pameran itu menyeru masyarakat memberi perhatian kepada sejarah penubuhan, kemajuan dan pencapaian institusi Komanwel serta negara-negara anggotanya sebagai latar belakang Sukan Komanwel yang akan berlangsung di sini dari 11 hingga 21 Sept ini.

"Ketahanan serta kemajuan pakatan Komanwel sehingga ini adalah bukti bahawa institusi Komanwel berjaya menjalinkan semangat kerjasama dan muhibah di kalangan negara-negara ahli," katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha kementerian Datuk Ismail Adam.

Pameran "Komanwel: Melonjak ke Alaf Baru" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara adalah antara acara Festival Kebudayaan Komanwel Kuala Lumpur '98.

Ia bertujuan memberi maklumat asas kepada pengunjung tentang persekutuan Komanwel termasuk sejarah penubuhannya serta sejarah asas negara-negara anggota.

Pameran itu akan berakhir 30 Sept ini.

-- BERNAMA

NHZ MAI